

06 AUG 2003

Jelajah-Algeria (Bergambar)

SHAMSURRIJAL BAKAL TEMUI DR MAHATHIR DI ALGERIA

JOHOR BAHRU, 6 Ogos (Bernama) -- Penjelajah solo negara Shamsurrijal Abdul Jamil bakal mendapat suntikan semangat dalam usaha mencipta rekod dunia menjelajahi 118 buah negara dengan memandu kereta secara solo, di Algeria Sabtu ini.

Shamsurrijal yang meninggalkan Tunisia hari ini untuk menuju ke Algeria, negara ke-28 yang bakal di jelajahnya, dijangka berkesempatan berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Algiers, ibu negara Algeria pada tarikh itu.

"Jalur Gemilang II (JGII) dijangka akan berada selama lima hari di Algeria dan sedang mengatur program menemui Perdana Menteri semasa lawatan rasmi beliau di Algeria bermula Khamis ini," katanya dalam e-mel kepada Bernama di sini, hari ini.

"Pastinya kehadiran Perdana Menteri di Algiers akan menyuntik semangat baru kepada Jalur Gemilang II untuk terus berkibar khasnya dalam bulan kemerdekaan ini," kata Shamsurrijal, 38, anak kelahiran Pontian.

Beliau berlepas dari sini Februari lepas dengan mendapat sokongan padu Menteri Besar Johor Datuk Abdul Othman, yang telahpun mengambil inisiatif menubuhkan Sekretariat JGII di sini untuk memastikan sokongan moral dan teknikal secukupnya kepada Shamsurrijal.

Penjelajahan Shamsurrijal yang memandu kereta nasional Proton Satria GTi itu dijangka meliputi perjalanan sejauh 180,000 kilometer di semua benua dan beliau dijadual kembali pada 31 Ogos 2004.

Beliau yang akan menyambut hari lahir yang ke-38 pada 10 Ogos berkata, "Mungkin juga tarikh 10hb Ogos 2003 yang juga ulang tahun ke-38 bagi saya di destinasi yang ke-28 ini akan memberikan satu kenangan manis buat saya dalam meneruskan misi ini."

"Mudah-mudahan tarikh keramat 31 Ogos 2004 menjadi kenyataan untuk Jalur Gemilang II kembali semula ke negara asalnya dengan satu rekod dunia yang baru atas nama Malaysia Boleh!

"Itulah impian dan harapan dari saya di samping dapat mempromosikan Malaysia di mana jua JGII berada," tambahnya.

Shamsurrijal berkata sepanjang perjalanannya setakat ini, JGII terus mendapat perhatian dan pengembaraan itu turut mendapat liputan media di 27 negara yang telah dilalui.

Beliau berkata negara seterusnya yang bakal dilaluinya mungkin Itali kerana laluan sempadan darat antara Algeria dan Maghribi ditutup sejak sekian lama.

"JGII akan kembali semula ke Tunis, Tunisia untuk berlayar menyeberangi Laut Mediterranean. Pemilihan Tunis berbanding pelabuhan-pelabuhan lain di Algeria adalah kerana kos feri yang murah dan kekerapan perkhidmatan setiap hari," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata permohonan telah dibuat untuk membolehkan JGII menggunakan Pelabuhan Oran di Algeria untuk ke Maghribi.

-- BERNAMA

MNY MOZ